

30/08/2001

Rakyat diminta rai Ambang Merdeka

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Rabu - Rakyat diminta keluar beramai-ramai meraikan perayaan Ambang Merdeka malam esok di tempat masing-masing bagi melahirkan kecintaan kepada negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata perayaan yang akan bermula jam 8.30 malam di seluruh negara itu adalah acara kemuncak sebelum menjelang Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini.

Beliau berkata, perayaan Ambang Merdeka peringkat kebangsaan akan diadakan di Dataran Merdeka dan dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perayaan ini akan disiarkan secara langsung di televisyen dan menjadi acara terbesar yang membabitkan semua kaum di negara ini," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Pandu Misteri Bernama-Pelancongan Malaysia ke-12, di sini hari ini.

Program anjuran Bernama dan Pelancongan Malaysia dimulakan sejak 1998 bagi memperkenalkan tempat pelancongan menarik di negara ini, di samping mewujudkan persefahaman dan perpaduan di kalangan masyarakat.

Program yang akan berlangsung pada 6 Oktober itu dijangka membabitkan 500 peserta dengan 100 kenderaan.

Abdul Kadir berkata, orang ramai digesa mengadakan pelbagai program dan bersama-sama menanti detik 12 malam sempena bendera Union Jack diturunkan dan digantikan dengan Jalur Gemilang.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Kemerdekaan berkata, hotel dan restoran juga diminta menyediakan pelbagai acara dan menu khas sempena kemerdekaan.

"Melalui perayaan seumpama ini, perpaduan rakyat dapat dipupuk di samping menanamkan semangat kecintaan kepada negara," katanya.

Sementara itu, perayaan Ambang Merdeka di Dataran Merdeka akan dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan dan nyayian oleh artis tempatan, termasuk Siti Nurhaliza, Senario, Aishah, Sara Loo dan Jamal Abdillah.

Selain itu, beberapa tempat lain di sekitar ibu negara menganjurkan beberapa acara, termasuk persembahan bunga api dan hiburan oleh artis tempatan.

Orang ramai boleh menyaksikan persembahan artis Anuar Zain, Jeslina, GT Boys dan Gary Chow di Bintang Walk.

(END)